

Bil. S 76

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 5), 2006

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran.
 2. Pengisytiharan tempat terkawal.
 3. Pihak berkuasa.
-

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(PENGAL 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL (BIL. 5), 2006

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh cerai (1) bab 5 dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal (Bil. 5), 2006.

Pengisytiharan tempat terkawal.

2. Tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual kepada Perintah ini, yang diterangkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di dalam pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta tersebut.

Pihak berkuasa.

3. Pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual kepada Perintah ini adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

JADUAL

Tempat	Nombor Pelan	Pihak berkuasa
Stesen Pam Air Badas, Mukim Setia, Daerah Belait.	GT030004KB bertarikh 1hb. Mei, 2003.	Pengarah Urusan, Brunei Liquefied Natural Gas Company Sendirian Berhad.

Diperbuat pada hari ini 17 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1427 bersamaan dengan 14 haribulan Jun, 2006.

**PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO PADUKA
HAJI AWANG ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB
DATO SERI SETIA HAJI AWANG MOHD. YUSOF,
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.**